

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-194 bertarikh 25 Jun 2019 telah memutuskan perkara berikut:

Produk Pembiayaan Import Surat Kredit Islamik Berasaskan Kontrak *Bai` Istijrar*

Keputusan

MPS meluluskan struktur cadangan produk pembiayaan import Surat Kredit Islamik (Surat Kredit-i) berasaskan kontrak *bai` istijrar* (jual beli bekalan dengan harga tangguh) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Perjanjian Fasiliti (*Facility Agreement*) bagi produk ini hendaklah memperincikan perkara-perkara berikut:
 - a. Tanggungjawab pengimport (pelanggan) sebagai wakil untuk melaksanakan pembelian barangan bagi pihak institusi kewangan Islam (IKI);
 - b. Tanggungjawab pengimport untuk membeli barangan daripada IKI ketika penerimaan barangan dan/atau dokumen; dan
 - c. Risiko dan liabiliti pihak-pihak berkontrak berkaitan pemilikan barangan pada setiap peringkat transaksi jual beli.
- ii. Memastikan transaksi di atas dilaksanakan dalam aturan proses yang betul iaitu tanggungjawab pengimport sebagai wakil pembelian barangan bagi pihak IKI mestilah disempurnakan terlebih dahulu sebelum pembelian barangan oleh pengimport daripada pihak IKI dilaksanakan.

Kelulusan MPS berhubung kontrak *bai` istijrar* ini hanya terhad kepada struktur yang dicadangkan sahaja berikutan terdapat keperluan yang khusus berhubung produk pembiayaan bagi pelaksanaan pembiayaan perdagangan.


Latar Belakang

- Terdapat cadangan daripada IKI untuk menawarkan produk pembiayaan import Surat Kredit-i berasaskan kontrak *bai` istijrar*. Pembiayaan import Surat Kredit-i memberi kemudahan kepada pengimport untuk mendapatkan pembiayaan bagi pembelian barangan daripada pihak pengeksport berdasarkan Surat Kredit-i yang dikeluarkan oleh IKI.
- Cadangan untuk menggunakan kontrak *bai` istijrar* merupakan alternatif kepada amalan pasaran semasa yang mengaplikasikan kontrak *murabahah* dan/atau *tawarruq* dalam menstruktur produk pembiayaan Surat Kredit-i.

Isu Syariah

- Adakah struktur pembiayaan import Surat Kredit-i berasaskan kontrak *bai` istijrar* yang dicadangkan patuh Syariah?

Ilustrasi struktur pembiayaan import Surat Kredit-i yang dicadangkan



1. Penawaran fasiliti:
 - Pihak-pihak berkontrak menandatangani Perjanjian Fasiliti;
 - Lantikan wakil – lantikan IKI sebagai pengeluar Surat Kredit-i, menyemak dokumen dan membuat pembayaran kepada pengeksport. Lantikan pengimport sebagai wakil pembelian bagi pihak IKI; dan
 - Janji (*wa`d*) pengimport untuk membeli barangan daripada IKI selepas penerimaan barangan/dokumen;
2. Pengimport membuat pesanan barangan bagi pihak IKI;
3. Pengimport membuat permohonan pengeluaran Surat Kredit-i;
4. IKI mengeluarkan Surat Kredit-i;
5. Bank penasihat memaklumkan pengeksport berhubung Surat Kredit-i;
6. Pengeksport membuat penghantaran barang kepada pengimport;
7. Pengeksport mengemukakan dokumen kepada bank penasihat;
8. Bank penasihat mengemukakan dokumen kepada IKI;
9. IKI menyerahkan dokumen kepada pengimport; *
10. IKI membuat pembayaran harga mengikut invois kepada pengeksport melalui bank penasihat; dan
11. Pengimport membuat bayaran ke atas harga jualan pada tempoh matang.

* Nota: Bagi penghantaran barangan melalui kapal yang melibatkan *Bill of Lading*, jualan barangan daripada IKI kepada pengimport akan berlaku semasa serahan dokumen. Manakala bagi penghantaran barangan selain melalui kapal contohnya melalui keretapi, kapal terbang atau melalui Pesanan Penghantaran (*Delivery Order*), terdapat kemungkinan pengimport akan mengambil atau menerima barangan lebih awal sebelum penerimaan dokumen daripada IKI. Dalam situasi ini, jualan barangan oleh IKI kepada pengimport berlaku ketika pengimport mengambil barangan tersebut. Pengiraan harga jualan akan dimuktamadkan pada masa hadapan apabila IKI menyerahkan dokumen kepada pengimport.

Isu Utama Perbincangan MPS

Aplikasi kontrak *bai` istijrar* dalam struktur produk

- Kontrak *Bai` istijrar* boleh diaplikasikan dalam kaedah penghantaran/dokumen penghantaran berikut:
 - i. Penghantaran barangan melalui kapal (*Bill of Lading*) di bawah terma *Usance*:
IKI memiliki barangan secara konstruktif melalui invois dan dokumen *Bill of Lading* yang membuktikan pemilikan barangan oleh IKI. Seterusnya, IKI menjual kepada pengimport melalui penyerahan dokumen di mana pengimport kemudiannya akan menerima barangan (*qabd*) secara fizikal di pelabuhan. Harga muktamad jualan akan ditentukan pada tarikh matang Surat Kredit-i, iaitu selepas tamat tempoh kredit yang dipersetujui oleh pihak pengimport dan pengeksport.
 - ii. Penghantaran barangan melalui keretapi dan kapal terbang (*Railway Bill* dan *Airway Bill*), atau apa-apa kaedah yang menjadikan IKI tiada kawalan terhadap barangan:
Pengimport akan menerima daripada pengeksport satu salinan dokumen penghantaran iaitu *Railway Bill* dan *Airway Bill* yang dihantar secara berasingan daripada barangan yang diimport. Pengimport boleh menggunakan salinan dokumen ini untuk mengambil barangan tersebut di pelabuhan.
 - iii. Pesanan Penghantaran (*Delivery Order*):
Dokumen *Delivery Order* kebiasaannya digunakan bagi penghantaran barangan melalui jalan darat seperti menggunakan lori. Pengimport (sebagai wakil IKI) akan menerima barangan melalui kaedah pengesahan penerimaan barangan melalui dokumen *Delivery Order* tersebut.
- Bagi kaedah penghantaran (ii) dan (iii) di atas, jualan dan pemindahan pemilikan terhadap barangan akan berlaku ketika penerimaan barangan oleh pengimport. Manakala pengiraan harga muktamad jualan berlaku semasa serahan dokumen bagi pembiayaan Surat Kredit *Sight*, atau ketika tarikh matang Surat Kredit-i bagi pembiayaan Surat Kredit *Usance*.

Aplikasi kontrak/konsep sokongan iaitu kontrak perwakilan (*wakalah*) dan janji (*wa`d*) dalam struktur produk

Ketika menandatangani Perjanjian Fasiliti, pihak-pihak berkontrak akan bersetuju untuk memasuki aturan berikut:

a) *Wakalah*

- Pengimport akan melantik IKI sebagai wakil untuk mengeluarkan Surat Kredit-i, menyemak dokumen dan membuat bayaran kepada pengeksport. Manakala IKI pula akan melantik pengimport sebagai wakil untuk membeli barangan bagi pihak IKI dan menerima penghantaran barangan tersebut. Pemindahan pemilikan barangan akan berlaku seurus selepas pengimport menandatangani dokumen penerimaan barangan dan mengambil barangan tersebut.

b) *Wa`d*

- Pengimport memberi janji (*wa`d*) untuk membeli barangan daripada IKI seurus selepas penerimaan dokumen/barangan.

Kesesuaian aplikasi kontrak *bai` istijrar* bagi struktur produk yang dicadangkan

- *Bai` istijrar* merupakan suatu kontrak jual beli yang melibatkan pengambilan barangan secara beransur-ansur, tanpa penawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) dan tiada penetapan harga setiap kali proses pengambilan barangan berlangsung. Penentuan harga boleh berdasarkan harga yang dipersetujui oleh pihak berkontrak atau berdasarkan suatu penanda aras dan penetapan harga tersebut boleh dibuat walaupun selepas penggunaan barangan.¹

¹ Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, j.9, h. 43; Muhammad Taqi al-Uthmani, *Buhuth fi Qadaya Fiqhiyyah Mu'asirah*, h. 58; AAOIFI, *al-Ma'ayir al-Shar'iyyah*, 2015, Dhabit al-Gharar al-Mufsid lil Mu'amalat al-Maaliah, bil. 31, perkara 5/2/2.

- Kontrak *bai` istijrar* dalam perbincangan klasik adalah melibatkan pengambilan barangan secara beransur-ansur atau berkala. Walau bagaimanapun, berdasarkan aplikasi semasa, setiap Surat Kredit-i yang dikeluarkan adalah boleh mewakili satu kontrak pembelian sahaja atau mewakili satu rangkaian kontrak pembelian.

Ketidaktentuan (gharar) dalam penentuan harga jualan bagi kontrak *bai` istijrar*

- Interpretasi elemen *gharar* merupakan antara faktor utama wujudnya perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha`. Elemen *gharar* yang dimaksudkan di sini ialah ketiadaan penetapan harga yang jelas dalam kontrak *bai` istijrar* yang boleh menyebabkan sesuatu kontrak itu tidak sah.
- Bagi cadangan struktur produk yang dikemukakan, harga dalam kontrak jual beli antara IKI dan pengimport ditetapkan berdasarkan formula yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Namun, terdapat satu komponen dalam formula pengiraan iaitu kadar penanda aras (*benchmark*) seperti KLIBOR atau LIBOR yang tidak ditentukan semasa akad. Pengiraan muktamad harga jualan hanya akan dilaksanakan pada masa hadapan iaitu pada ketika penyerahan dokumen atau ketika tarikh matang Surat Kredit-i (selepas tamat tempoh kredit).
- Formula penentuan harga jualan pada tarikh matang Surat Kredit-i adalah seperti berikut:

$$\text{Harga jualan} = \text{nilai invoice} + (\text{nilai invoice} \times \text{kadar keuntungan}^* \times \frac{\text{bilangan hari}^{**}}{360/365})$$

Nota:

* Komponen kadar keuntungan adalah termasuk kos dana (*cost of fund*) IKI iaitu 3 bulan KLIBOR/LIBOR dan margin keuntungan sebanyak X%. Margin keuntungan akan dipersetujui dari awal oleh pihak-pihak berkontrak, manakala kadar KLIBOR/LIBOR akan ditetapkan pada tarikh matang Surat Kredit-i.

**Tempoh pembiayaan (bilangan hari) akan dikira bermula pada tarikh matang Surat Kredit-i hingga tarikh matang pembiayaan (mengikut tempoh yang dipersetujui oleh IKI).

Asas Pertimbangan

- Sebahagian fuqaha` mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali mengharuskan jual beli barangan dengan penangguhan penetapan harga berasaskan beberapa hujah seperti atas dasar *istihsan*, keharusan jual beli secara unjuk terima (*bai` mu`atah*), dan keharusan jual beli tanpa penetapan harga ketika pemeteraian kontrak (*bai` bima yanqati` bihi al-si`ri*).²
- Terdapat ulamak kontemporari yang berpendapat bahawa ketiadaan penetapan harga ketika pembeli mengambil barangan dan hanya bersetuju dengan penentuan harga mengikut harga pasaran (*bai` bi si`ri al-suq*) adalah harus. Amalan ini dibolehkan dengan syarat penentuan harga barang tersebut boleh disandarkan dengan penanda aras tertentu yang terkawal dan kaedah penetapan harga tersebut juga mestilah tidak terdapat kemungkinan berlaku kesilapan dan juga tidak membawa kepada pertikaian antara pihak berkontrak.³
- Demikian juga ramai daripada kalangan ulamak kontemporari membenarkan elemen *gharar* pada harga dalam beberapa situasi seperti kontrak jual beli dimeterai mengikut harga pasaran (*bai` bi si`ri al-suq*) atau jual beli yang mengikut harga kebiasaan masyarakat atau dalam jual beli secara *bai` istijrar*. Amalan sebegini dibenarkan supaya membolehkan pembeli mendapatkan barangan secara beransur-ansur daripada penjual dengan harga yang akan tertakluk kepada harga kebiasaan masyarakat menjualnya, atau tertakluk kepada suatu penanda aras, (walaupun selepas penggunaan barangan tersebut).⁴

² Al-Haskafi, *al-Dur al-Mukhtar fi Syarh Tanwir al-Absar*, j. 4, h. 516; Ibn Nujaym, *al-Bahr Ra'iq Syarh Kanz Daqa'iq*, j. 5, h. 279; Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*, j. 4, h. 217; Ibn Qayyim, *I'lam al-Muwaqin 'an Rabbul 'Alamin*, j.4, h.5.

³ Muhammad Taqi Uthmani, *Buhuth fi Qadaya Fiqhiyyah Mu'asirah*, h. 63-64.

⁴ AAOIFI, *al-Ma'ayir al-Shar'iyah*, 2015, Dhabit al-Gharar al-Mufsid lil Mu'amalat al-Maaliah, bil. 31, perkara 5/2/2.

- Walaupun pengiraan harga jualan tidak dimuktamadkan semasa kontrak jual beli dimeterai, namun ia boleh dianggap sebagai suatu *gharar* yang boleh dimaafkan kerana pihak-pihak berkontrak telah maklum berkenaan harga sebenar barangan yang diimport dan saling bersetuju dengan formula pengiraan harga jualan yang akan digunakan.
- Proses jual beli antara IKI dan pengimport dilaksanakan mengikut amalan perdagangan semasa (*urf*) yang disokong dokumen yang boleh dikuatkuasakan melalui undang-undang serta boleh memberi kejelasan dan mengelakkan potensi pertikaian pihak berkontrak.

Implikasi Keputusan MPS

- Struktur pembiayaan import Surat Kredit-i berasaskan kontrak *bai` istijrar* yang dicadangkan merupakan alternatif kepada kontrak *murabahah* dan *tawarruq* yang diaplikasi dalam struktur sedia ada dalam pasaran.
- Struktur ini dilihat dapat memberi solusi kepada kemungkinan berlakunya penjualan dan pembelian barangan yang tidak wujud (*bai` ma`dum*) dalam struktur berasaskan *murabahah* dan berupaya mengurangkan kos operasi dalam aplikasi *tawarruq*.

Keputusan ini berkuatkuasa setelah ia diterbitkan dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia bertarikh pada 13 Disember 2019.

IKI perlu mematuhi peraturan ini menurut seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau seksyen 33D(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, mengikut mana-mana yang berkenaan.